

Program Kerja Sosial FPP UMS beri pendedahan pelajar bekerjasama, memahami komuniti

Oleh Vivi Olviana Najurus

UB 20.01.2023 P.03

SANDAKAN: Program Komuniti Siri 2/2023 yang disertai 22 orang pelajar Program Kerja Sosial dari-pada Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mem-beri pendedahan kepada pelajar untuk bekerjasama dan memahami sesebuah komuniti.

Ketua Program Kerja So-sial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS, Dr. Wanda Kiyah Anak George Albert berkata program terbabit di-jalankan bersama penduduk Kampung Tinusa 2 bermula 13 hingga 15 Januari lalu.

“Program ini juga ber-tujuan untuk membantu komuniti tempatan untuk mengenal pasti, merancang dan membuat tindakan bagi memenuhi keperluan harian melalui pendedahan ban-tuan sumber dan perkhid-matan yang terdapat di dalam komuniti terbabit.

“Pendedahan yang dise-diakan oleh profesion kerja



SIJIL: Wakil Pengetua Fakulti Perhutanan Lestari, UMS Sandakan menerima sijil penghargaan semasa Program Kerja Sosial.

sosial ini dapat membantu komuniti tempatan berfungsi dengan lebih efektif, berke-mampuan dan berkeupayaan mendapatkan apa yang diper-lukan berdasarkan kepada permasalahan dialami,” ka-tanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, program terbabit turut disertai pelajar

tahun pertama dan kedua selain pelajar tahun akhir dalam fakulti berkenaan.

“Menerusi program ini, kita harapkan dapat mend-edahkan pelajar dengan praktis kerja sosial sebenar yang dijalankan bersama komuniti seterusnya mampu menjadikan komuniti atau masyarakat cakna kepada

profesional kerja sosial,” ka-tanya.

Sementara itu, Ketua Kam-pung Tinusa 2 Norsidy Lumby berkata program yang julung kali diadakan di kawasan pantai timur khususnya Sandakan berjaya mengeratkan silaturahim antara komuniti kampung terbabit.